

KUALA NERUS / SETIU

Mahrajan Ramadan Unisza dekati komuniti



Peserta konvoi sedia berbasikal di sekitar daerah ini untuk mengedarkan risalah tentang aktiviti Unisza sepanjang Ramadan.

GONG BADAK - Sempena Ramadan tahun ini, Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) melalui Pusat Islam dan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) menganjurkan program Mahrajan Ramadan bertemakan 'Rahmat Didamba Maghfirah Dipinta'

Program yang julung kali diadakan ini turut mendapat kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (Hepa) dengan mengadakan pelbagai aktiviti bersama komuniti sempena Ramadan pada tahun ini.

Pengarah programnya, Dr Zulkifli Mohd berkata, antara aktiviti yang diadakan sepanjang bulan puasa ini adalah dakwah jalanan, kutipan serta agihan dana asnaf zakat, maraton tilawah al-Quran dan sebagainya.

"Aktiviti yang dirancang itu melibatkan war-

ga Unisza bersama komuniti kerana kita sedia maklum bahawa universiti ini juga telah diiktiraf sebagai universiti komuniti.

"Malah, sebelum Ramadan juga kita telah ambil inisiatif mengadakan konvoi berbasikal di beberapa lokasi yang menjadi tumpuan ramai di sekitar daerah ini untuk mengedarkan risalah aktiviti Unisza sepanjang Ramadan," katanya.

Katanya lagi, dengan adanya aktiviti itu nanti diharap mampu mengerakkan hubungan antara komuniti setempat dengan universiti, sekali gus bersama-sama menyemarakkan lagi sambutan Ramadan kali ini.

Terdahulu, pelepasan konvoi berbasikal melibatkan lebih kurang 40 peserta itu disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Hepa), Prof Dr Nik Wan Omar.